

# UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

UTHM/PP/100-6/5/1 Jilid 5 (107)

12 Oktober 2015

---

## PEKELILING AM BIL.46 TAHUN 2015

---

### **GARIS PANDUAN PENYERTAAN PAMERAN DAN PERTANDINGAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI (DALAM DAN LUAR NEGARA) UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 3/2015 yang bersidang pada 7 Julai 2015 telah bersetuju untuk meluluskan kertas kerja Garis Panduan Penyertaan Pameran dan Pertandingan Penyelidikan dan Inovasi (Dalam & Luar Negara) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

2. Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada staf Universiti semasa Penyertaan Pameran dan Pertandingan Penyelidikan dan Inovasi (Dalam & Luar Negara).
3. Bersama-sama ini disertakan Garis Panduan Penyertaan Pameran dan Pertandingan Penyelidikan dan Inovasi (Dalam & Luar Negara) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia seperti di **Lampiran 1** untuk makluman YBhg. Prof. Datuk/Dato'/Prof./Tuan/Puan selanjutnya.
4. Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh pekeling ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**"DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA"**

Yang benar

**ABDUL HALIM BIN ABDUL RAHMAN**

Pendaftar

☎ : 07-4537100

- s.k.
- YBhg. Datuk Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
  - Penolong Naib Canselor (Pembangunan, Pengurusan Fasiliti dan ICT)
  - Penolong Naib Canselor (Hubungan Industri dan Masyarakat)
  - Dekan-Dekan Fakulti
  - Pengarah-Pengarah Pejabat/Pusat
  - Ketua-Ketua Pejabat/Pusat/Unit



**GARIS PANDUAN PENYERTAAN PAMERAN DAN PERTANDINGAN  
PENYELIDIKAN DAN INOVASI (DALAM DAN LUAR NEGARA)  
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**1.0 LATAR BELAKANG**

Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada semua staf Universiti mengenai penyertaan hasil penyelidikan dan inovasi UTHM ke pameran dan pertandingan penyelidikan dan inovasi yang dianjurkan di Dalam dan Luar Negara.

**2.0 OBJEKTIF**

- 2.1 Mewujudkan garis panduan yang komprehensif sebagai rujukan dalam memilih hasil penyelidikan dan inovasi untuk menyertai pertandingan penyelidikan dan inovasi Dalam dan Luar Negara.
- 2.2 Mewujudkan ketelusan dalam melaksanakan pemilihan hasil penyelidikan dan inovasi untuk mewakili UTHM dalam pertandingan penyelidikan dan inovasi Dalam dan Luar Negara.
- 2.3 Memastikan hasil penyelidikan dan inovasi yang telah memenuhi syarat-syarat tertentu sahaja dipilih untuk menyertai Pertandingan Penyelidikan dan Inovasi Dalam dan Luar Negara.

- 2.4 Memastikan usaha meningkatkan pengkomersilan hasil penyelidikan dan inovasi dapat dilaksanakan dengan lebih berjaya melalui pemilihan hasil penyelidikan dan inovasi yang telah memenuhi kriteria yang telah ditetapkan.

### 3.0 DEFINISI

Definisi yang digunakan dalam dokumen ini adalah seperti berikut:

**Produk** : Hasil penyelidikan dan inovasi dalam bentuk suatu barang, prototaip, *software*, laporan atau apa-apa hasil kajian dan lain-lain definisi yang seumpamanya

### 4.0 SYARAT-SYARAT PENYERTAAN HASIL PENYELIDIKAN DAN INOVASI KE PAMERAN DAN PERTANDINGAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI DALAM NEGARA

Hasil penyelidikan dan inovasi yang akan dipilih menyertai pertandingan dan pameran Dalam Negara perlu mematuhi syarat-syarat berikut :

- 4.1 Hasil penyelidikan dan inovasi berkenaan telah selesai dan mempunyai produk yang siap sedia untuk dipamerkan atau dipertandingkan.
- 4.2 Hasil penyelidikan dan inovasi berkenaan mempunyai potensi untuk dikomersilkan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

- 4.3 Hasil penyelidikan dan inovasi berkenaan memberi manfaat kepada masyarakat atau Negara.
- 4.4 Hasil penyelidikan dan inovasi berkenaan disahkan mempunyai keupayaan untuk pendaftaran harta intelek dan didaftarkan di Perbadanan Harta Intelek Malaysia.
- 4.5 Hasil penyelidikan dan inovasi berkenaan adalah unik dan sukar ditiru oleh pihak lain.
- 4.6 Hasil penyelidikan dan inovasi berkenaan tidak memberikan implikasi yang negatif bagi memelihara imej Universiti.
- 4.7 Hasil penyelidikan dan inovasi berkenaan telah mempunyai rakan industri bagi tujuan pengkomersilan.
- 4.8 Hasil penyelidikan dan inovasi adalah mesra pengguna.
- 4.9 Hasil penyelidikan dan inovasi yang telah menjalani ujian (*testing*) serta mempunyai jaminan keselamatan dalam penggunaan akan diberikan keutamaan.
- 4.10 Hasil penyelidikan dan inovasi yang menggunakan jumlah peruntukan yang rendah tetapi berpotensi menjana pendapatan tinggi akan diberikan keutamaan.
- 4.11 Hasil penyelidikan dan inovasi yang telah memenangi pertandingan penyelidikan dan inovasi di peringkat UTHM **boleh** dipertimbangkan untuk dipilih menyertai pameran atau pertandingan berdasarkan kesesuaian pameran dan pertandingan yang diadakan.

4.12 Hasil penyelidikan dan inovasi berkenaan telah melalui proses penilaian oleh Jawatankuasa Pemilih yang dilantik oleh Jawatankuasa Pengajian Penyelidikan (JKPI).

## **5.0 SYARAT-SYARAT PENYERTAAN PRODUK HASIL PENYELIDIKAN DAN INOVASI KE PAMERAN DAN PERTANDINGAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI DI LUAR NEGARA**

Hasil penyelidikan dan inovasi yang akan dipilih menyertai pertandingan dan pameran **Luar Negara** perlu mematuhi syarat-syarat berikut :

- 5.1 Hasil penyelidikan dan inovasi yang telah memenangi **pingat** dalam pertandingan di peringkat Dalam Negara sahaja akan dipertimbangkan, dan tertakluk kepada dalam tempoh 2 tahun dari tarikh kemenangan dalam pertandingan tersebut.
- 5.2 Hasil penyelidikan dan inovasi berkenaan telah selesai dan mempunyai produk yang siap sedia untuk dipamerkan atau dipertandingkan.
- 5.3 Hasil penyelidikan dan inovasi berkenaan mempunyai potensi untuk dikomersilkan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- 5.4 Hasil penyelidikan dan inovasi berkenaan memberi manfaat kepada masyarakat atau Negara.

- 5.5 Hasil penyelidikan dan inovasi berkenaan disahkan mempunyai keupayaan untuk pendaftaran harta intelek dan didaftarkan di Perbadanan Harta Intelek Malaysia.
- 5.6 Hasil penyelidikan dan inovasi berkenaan adalah unik dan sukar ditiru oleh pihak lain.
- 5.7 Hasil penyelidikan dan inovasi berkenaan tidak memberikan implikasi yang negatif bagi memelihara imej Universiti.
- 5.8 Hasil penyelidikan dan inovasi berkenaan telah mempunyai rakan industri bagi tujuan pengkomersilan.
- 5.9 Hasil penyelidikan dan inovasi adalah mesra pengguna.
- 5.10 Hasil penyelidikan dan inovasi yang telah menjalani ujian (*testing*) serta mempunyai jaminan keselamatan dalam penggunaan akan diberikan keutamaan.
- 5.11 Hasil penyelidikan dan inovasi yang menggunakan jumlah peruntukan yang rendah tetapi berpotensi menjana pendapatan tinggi akan diberikan keutamaan.
- 5.12 Hasil penyelidikan dan inovasi berkenaan telah melalui proses penilaian oleh Jawatankuasa Pemilih yang dilantik oleh Jawatankuasa Pengajian Penyelidikan (JKPI).
- 5.13 Hasil penyelidikan dan inovasi yang berkenaan hendaklah diperakukan oleh Jawatankuasa Pemilih dan dimaklumkan ke Jawatankuasa Pengajian Penyelidikan (JKPI).

## **6.0 HAD PENYERTAAN**

Produk penyelidikan dan inovasi yang telah memenangi pertandingan di Luar Negara tidak boleh menyertai mana-mana pertandingan lain di Luar Negara kecuali atas sebab atau pertimbangan yang tertentu dan tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Pengajian Penyelidikan (JKPI).

## **7.0 TANGGUNGJAWAB PESERTA PAMERAN DAN PERTANDINGAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI**

Peserta perlu memberikan kerjasama dan komitmen kepada Universiti dalam usaha mengkomersilkan hasil penyelidikan dan inovasi, selepas penyertaan pameran atau pertandingan penyelidikan dan inovasi.